



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(LUAS)

**PANDUAN PEMASANGAN METER BAGI PEMEGANG
LESEN ABSTRAKSI BUMI DAN AIR PERMUKAAN
DI BAWAH ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR
SELANGOR 1999**

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)
TINGKAT 12 & 13
BANGUNAN DARUL EHSAN
NO 3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14
40000 SHAH ALAM
SELANGOR.
TEL : 03-55111800
FAX : 03-55101800
www.luas.gov.my**

PANDUAN PEMASANGAN METER

A. PENGENALAN

1. Mengapa perlu membuat pemasangan meter ?

Kerajaan Negeri Selangor melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bertanggungjawab melaksanakan skim pelesenan dan caj abstraksi sumber air (air bumi dan air permukaan) di Negeri Selangor bermula pada tahun 1 Julai 2005.

Arahan bagi pemasangan meter kepada pemegang-pemegang lesen adalah sebagai langkah bagi memastikan pengambilan air bumi dan air permukaan di Negeri Selangor ini berada dalam keadaan terkawal serta mengelakkan berlakunya pemendapan tanah di kawasan abstraksi sumber air tersebut.

B. RINGKASAN PERUNDANGAN ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

1. Apakah keperluan pemasangan meter?

- a) Seksyen 53(1)
LUAS boleh mengarahkan pemegang-pemegang lesen memasang alat sukatan (meter) bagi menentukan kuantiti sumber yang diabstrak

2. Bagaimana kawalan dibuat terhadap pemasangan meter?

- a) Seksyen 53(2)(a)
LUAS boleh mengarahkan pemegang-pemegang lesen untuk membuat pemasangan meter mengikut spesifikasi yang dibenarkan sahaja.
- b) Seksyen 53(2)(b)
LUAS boleh mengarahkan pemegang-pemegang lesen menyelenggara dan memastikan meter berada dalam keadaan yang boleh digunakan sewajarnya.

C. PANDUAN PEMASANGAN METER

1. Spesifikasi pemasangan meter

- a) Meter yang dipasang hendaklah mempunyai akreditasi daripada SIRIM Berhad.
- b) Saiz meter hendaklah bersesuaian dengan jumlah abstraksi air. No siri meter mesti jelas.

- c) Lokasi pemasangan meter hendaklah tidak melebihi 2 meter daripada jarak telaga/mukasauk ataupun mana-mana jarak yang telah diluluskan oleh LUAS.
- d) Pemasangan meter hendaklah dibuat mengikut arah (anak panah) yang betul dan meter perlu dipateri (*seal*) serta perlu memastikan tiada sebarang gangguan.
- e) Ujian aliran air perlu dijalankan dan memastikan tiada kesan kebocoran pada sambungan (*welding & joint*).
- f) Pemasangan pili air selepas meter dan pemasangan injap kawalan (*gate valve*) sebelum meter (*jika perlu*).

D. PERTANYAAN

Untuk pertanyaan sila hubungi :-

***Unit Abstraksi Air Bumi,
Tingkat 11, Bangunan Darul Ehsan
No 3, Jalan Indah, Seksyen 14
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel : 03-55111800 sambungan 1120 atau 1134
Faks : 03-55101800***